



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAHAGIAN AMALAN PERUBATAN
ARAS 7, BLOK E1, PARCEL E, PRESINT 1,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590, PUTRAJAYA



TEL NO : 03-88831254
FAK NO : 03-88831328

Ruj. Kami : KKM.T.600-6/3/68 (3)
Tarikh : 7 Mei 2018

Encik Shamsul Anuar Ibrahim
General Manager
Business Development
Serba Dinamik IT Solutions Sdn. Bhd,
7-5, Pusat Dagangan UMNO Shah Alam,
Lot 8, Persiaran Damai, Seksyen 11,
40100 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.


Tuan,

**KEPUTUSAN PERMOHONAN PENDAFTARAN ORGANISASI JAGAAN YANG DIURUSKAN
- SERBA DINAMIK IT SOLUTIONS SDN. BHD**


Perkara di atas dengan hormatnya adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan pendaftaran Organisasi Jagaan Yang Diuruskan (MCO) bagi syarikat Serba Dinamik IT Solutions Sdn. Bhd telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kecil Pendaftaran *Managed Care* yang bermesyuarat pada 16 April 2018.
3. Sehubungan itu, tuan adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berkaitan di bawah Bahagian XV, Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586) iaitu:

- 3.1 Subseksyen 83(1) di dalam Akta 586 yang menyatakan bahawa pemegang lesen sesuatu kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan swasta atau pemegang sesuatu perakuan pendaftaran tidak boleh membuat kontrak atau perkiraan dengan mana-mana MCO yang boleh menyebabkan:
- (a) Perubahan kuasa pengamal perubatan berdaftar atau pengamal pergigian mengenai pengurusan perubatan atau pergigian pesakit sebagaimana yang terletak hak dalam perenggan 78(a) Akta 586 dan perubahan kuasa pengamal perubatan berdaftar atau pengamal perubatan berdaftar pelawat mengenai pengurusan jagaan perubatan pesakit sebagaimana yang terletak hak dalam perenggan 79(a) dan 80(a) Akta yang sama;
- (b) Perubahan dalam peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Penasihat Perubatan, atau Jawatankuasa Penasihat Perubatan dan Pergigian sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 78 Akta 586, Jawatankuasa Penasihat Jagaan Perbidanan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 79 Akta 586 atau Jawatankuasa Penasihat Kejururawatan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 80 Akta yang sama;



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 01897



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 01897



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : MY-QMS 01897

- (c) Pelanggaran mana-mana peruntukan Akta ini dan peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
 - (d) Pelanggaran kod etika mana-mana badan pengawalseliaan profesion bagi profesion perubatan, pergigian, kejurawatan atau perbidanan atau mana-mana badan pengawalselai profesion jagaan kesihatan lain; atau
 - (e) Pelanggaran mana-mana undang-undang bertulis lain.
- 3.2 Subseksyen 83(2) dan 83(3) Akta 586 yang memperuntukkan tindakan yang boleh diambil ke atas pemegang lesen atau pemegang perakuan pendaftaran atau organisasi jagaan yang diuruskan yang membuat kontrak atau apa-apa perkiraan yang melanggar subseksyen 83(1) Akta 586.
- 3.3 Subseksyen 85(1) Akta 586 yang memperuntukkan bahawa sesuatu MCO atau tuan punya sesuatu MCO yang mempunyai kontrak atau perkiraan dengan pemegang lesen suatu kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan swasta atau pemegang perakuan pendaftaran hendaklah memberikan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan organisasi itu sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.
- ... 4. Selaras dengan peruntukan subseksyen 85(1) Akta 586, syarikat dikehendaki menghantar maklumat berhubungan organisasi menggunakan borang *Annual Return Form* seperti yang dilampirkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia pada atau sebelum 1 Februari setiap tahun. Kegagalan mematuhi peruntukan ini boleh menyebabkan tindakan diambil di bawah subseksyen 85(2) dan 85(3) Akta 586.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DR. AHMAD RAZID BIN SALLEH)
(MPM: 26560)

Pengarah
Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia.
ms/cpa /april2018